

# UPM bangun aplikasi pantau tahap risiko pandemik

**Kuala Lumpur:** Universiti Putra Malaysia (UPM) membangunkan aplikasi pengurusan risiko baharu berasaskan laman web, dikenali Sistem Pengurusan Risiko ERTCOVID-19 UPM (PutraRISK - ERTCOVID19) bagi memantau tanda dan gejala COVID-19.

Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM, Prof Dr Azmawani Abd Rahman, berkata aplikasi itu diwujudkan bagi kegunaan semua kakitangan dan pelajar universiti berkenaan termasuk di kampus Bintulu, Sarawak.

Melalui aplikasi itu, katanya, tahap risiko warga UPM terhadap wabak COVID-19 dipantau dari semasa ke semasa dengan merekod maklumat berkaitan tanda dan gejala wabak terbabit.

“Ia usaha sama antara Pejabat

Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pusat Kesihatan UPM, Jabatan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Hospital Pengajar UPM dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi.

“Sistem ini sentiasa dikemas kini dan memantau risiko semasa kakitangan dan pelajar berdasarkan kluster baharu diwartakan kerajaan, selain mereka akan terus dapat melihat keputusan tahap risiko masing-masing,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Azmawani berkata, terdapat tiga tahap risiko dikenal pasti iaitu Risiko Tinggi (merah), Sederhana (kuning), dan Rendah (hijau) dengan setiap daripadanya mempunyai tindakan kawalan khusus.

Katanya, setiap warga UPM




**Azmawani Abd Rahman**

bertanggungjawab melakukan tindakan kawalan berdasarkan kepada tahap risiko masing-masing dan hasil analisis akan menunjukkan tahap risiko dihadapi setiap warga kampus, selain dapat membantu pentadbiran membuat strategi mitigasi berkaitan.

“Pembentangan laporan pengurusan risiko COVID-19 dilakukan secara harian pada mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Kecemasan atau lebih dikenali sebagai ERT UPM yang dipengerusikan oleh Naib Canselor, Prof Datuk Dr Aini Ideris yang bertindak selaku Komandan Insiden.

“Jawatankuasa ERT UPM sentiasa berusaha memastikan tahap risiko warga kampus pada tahap rendah. Mengekalkan tahap risiko rendah adalah sangat penting supaya aktiviti universiti akan dapat diteruskan dalam normal baharu.

“Pengurusan risiko terancang dan tersusun dari awal memudahkan tindakan segera dan berkesan diambil secara menyeluruh di kampus universiti bagi menangani wabak COVID-19,” katanya.



**Aplikasi Sistem Pengurusan Risiko ERTCOVID-19 UPM.** (Foto ihsan UPM)